

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2019

SMK KOTA KUALA MUDA, 08500 KOTA KUALA MUDA, KEDAH

---

### PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

(3756/2)

Dua jam tiga puluh minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
  2. *Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **dua** soalan dalam **Bahagian B**.*
  3. *Bersama dengan kertas soalan ini tiap-tiap calon diberi :*

Buku tunai	1 helai
Jurnal	3 helai
Lejar	4 helai
  4. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
  5. *Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.*
  6. *Mulakan tiap-tiap jawapan pada helaian yang baru.*
  7. *Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.*
- 

Kertas soalan ini mengandungi 21 halaman bercetak

**Bahagian A**  
**[60 markah]**  
*Jawab semua soalan*

- 1(a) Nyatakan *prinsip dan andaian perakaunan* yang diamalkan bagi setiap situasi di bawah :
- Bayaran ansuran kereta pemilik Encik Farhan dengan menggunakan cek perniagaan tidak direkodkan [1 markah]
  - Penyata kewangan bagi Perniagaan Bestari telah disediakan berdasarkan semua urusniaga yang berlaku sepanjang 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018. [1 markah]
- (b) Nyatakan dua peringkat daripada lapan peringkat dalam Kitaran Perakaunan.
- \_\_\_\_\_
  - \_\_\_\_\_ [2 markah]
- (c) Namakan Buku Catatan Pertama yang digunakan untuk merekod urus niaga berikut:
- | UrusNiaga   | Buku CatatanPertama |
|---|---------------------|
| (i) Syarikat Tudung Exclusif membeli rak pameran secara kredit berjumlah RM3 200.         |                     |
| (ii) Syarikat Perabot Mewah membeli 50 unit rak pameran secara kredit berjumlah RM10 400. |                     |
- [2 markah]
- (d) Berikut adalah maklumat berkaitan dengan modal syer biasa Syarikat Melati Berhad.
- | Modal Berdaftar | Modal Diterbitkan | Nilai Tara Sesyer |
|-----------------|-------------------|-------------------|
| 2 000 000 unit  | 950 000 unit      | RM0.50            |

Berapakah jumlah modal diterbitkan dan berbayar penuh? [2 markah]

- (e) Nyatakan akaun yang didebit dan dikreditkan bagi setiap urus niaga berikut:

Bil	Urus niaga	Akaun yang didebit	Akaun yang dikredit
(i)	Membayar sewa kedai menggunakan cek peribadi		
(ii)	Pelanggan memulangkan barang kerana rosak		

[ 2 markah ]

2. Cik Choon, pemilik Cute Enterprise menyediakan Imbangan duga pada 30 Jun 2019 seperti berikut:

	<b>Debit</b> <b>RM</b>	<b>Kredit</b> <b>RM</b>
Inventori pada 1 Julai 2018	28 250	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	222 000	110 110
Bank	27 456	
Premis (kos)	456 000	
Lengkapan (kos)	62 000	
Kenderaan (kos)	148 000	
Susut nilai terkumpul pada 1 Julai 2018:		
- Lengkapan		27 900
- Kenderaan		53 280
Belanja Kenderaan	13 250	
Belanja Pejabat	3 670	
Pulangan	4600	7020
Belian dan Jualan	230 000	695 459
Utiliti	7 160	
Peruntukan hutang ragu		5 600
Sewa		14 400
Insurans	5720	
Hutang lapuk	300	
Faedah atas pinjaman	4200	
Pinjaman (matang pada 30 April 2023)		100 000
Ambilan	13 100	
Gaji	12 500	
Modal		224 437
	<hr/> 1 238 206	<hr/> 1 238 206

**Maklumat tambahan:**

1. Inventori pada 30 Jun 2019 dinilai pada harga kos RM38 460 dan RM35 560 pada harga pasaran.
2. Belanja gaji RM12 500 termasuk bayaran upah atas belian RM1 250 kepada pekerja sambilan.
3. Cute Enterprise mempunyai seorang pekerja tetap yang dibayar gaji RM1 000 sebulan.
4. Pelarasan berikut perlu diambil kira:
  - Sewa belum terperoleh RM1 000.
  - Bil elektrik belum dijelaskan RM452.
5. Insurans RM1 800 telah dibayar untuk setengah berakhir pada 31 Ogos 2019.
6. Encik Muthu telah diisyiharkan muflis dan hutangnya RM500 terpaksa dihapuskan.
7. Peruntukan hutang rugi diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima.
8. Susut nilai diperuntukkan seperti berikut:
  - Kenderaan 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
  - Lengkapan 15% setahun mengikut kaedah ansuran tetap.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2019. [13 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2019 [12 markah]

- 3 (a) Kilang Sepatu Johan adalah pengeluar kasut sukan berjenama JBAT. Berikut adalah data yang diperoleh bagi tahun 2017 dan 2018.

	2017	2018
Unit pengeluaran	10 000	18 000
Jumlah Kos (RM)	180 000	212 000

Kos tetap dan kos berubah seunit diandaikan malar untuk kedua-dua tahun. Harga jualan seunit pada tahun 2017 dan 2018 ialah RM12.

**Anda dikehendaki menghitung :**

- |  |            |
|--|------------|
| (i) Kos berubah seunit   | [2 markah] |
| (ii) Kos Tetap   | [2 markah] |
| (iii) Titik Pulang Modal                                       | [2 markah] |
| (iv) Unit keluaran untuk mendapat keuntungan sebanyak RM35 000 | [2 markah] |
| (v) Apakah fungsi Titik Pulang Modal ?                         | [2 markah] |

- 3(b) Butiran di bawah diambil daripada buku perniagaan Pemborong Khadijah Tekstil pada 30 April 2019.

	RM
Alatan pejabat	7 400
Inventori	9 300
Akaun Belum Terima	4 800
Bank	(1 500)
Tunai	1 600
Akaun Belum Bayar	3 500
Modal	10 000
Untung bersih	8 100

Urus niaga berikut telah berlaku sepanjang bulan Mei 2019.

- (i) JM Trading membayar dengan cek RM3 000 untuk menjelaskan hutangnya. Terima diskau tunai RM150.
- (ii) Pemilik membawa masuk komputer kepunyaan sendiri bernilai RM1 800 ke dalam perniagaan.
- (iii) 20% daripada barang niaga dijual pada harga RM2 000 secara tunai.
- (iv) Sekeping cek bernilai RM840 yang diterima pada 30 April telah dipulangkan oleh pihak bank dengan tanda "Rujuk Penyuruh Bayar".
- (v) Membayar sewa kedai RM500 dengan cek peribadi

**Anda dikehendaki** merekodkan urus niaga di atas dengan menggunakan jadual persamaan di *lampiran* yang disediakan [10 markah]

**Bahagian B**  
**[40 markah]**  
**Jawab **dua** soalan sahaja**

4. Sarah dan Simon adalah rakan kongsi dalam Perniagaan RASI. Mereka berkongsi untung dan rugi mengikut nisbah 2:1. Mereka membuat keputusan untuk membubarkan perniagaan mereka pada 30 Jun 2019 apabila Sarah mengikut suaminya berhijrah ke Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu.

Maklumat berikut menunjukkan kedudukan kewangan Perniagaan RASI pada 30 Jun 2019.

	RM
<b>Akaun Modal:</b>	
Sarah	30 500
Simon	60 000
<b>Akaun Semasa:</b>	
Sarah	1 300
Simon	(2 100)
Kenderaan	53 000
Lengkapan	28 500
Inventori	9 880
Akaun Belum Terima	5 320
Akaun Belum Bayar	6 200
Bank	(1 800)
Tunai	1 000

Maklumat tambahan:

- (i) Aset-aset berikut dijual dan hasil jualan dibankkan.

	RM
Kenderaan	45 000
Inventori	7 850

- (ii) Sarah mengambil alih lengkapan dengan harga RM25 800.  
 (iii) Simon mengambil alih akaun belum terima selepas mengambil kira hutang lapuk yang berjumlah RM320.  
 (iv) Kos perundungan pembubaran ialah RM900 dan jumlah diskaun yang diterima daripada para pembekal ialah sebanyak RM450.  
 (v) Sekiranya berlaku kurangan dalam akaun modal, pekongsi akan menampungnya dengan membawa masuk tunai.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- |                                      |            |
|--------------------------------------|------------|
| (a) Akaun Belum Bayar                | [3 markah] |
| (b) Akaun Realisasi                  | [7 markah] |
| (c) Akaun Modal Pekongsi (beruangan) | [6 markah] |
| (d) Akaun Bank                       | [5 markah] |

5. Maklumat berikut diambil daripada Kilang Hajjah Sapiah yang mengeluarkan telekung berjenama "Sapiah Ayu"

	<b>1 Ogos 2018</b> <b>(RM)</b>	<b>31 Julai 2019</b> <b>(RM)</b>
Inventori:		
Bahan langsung	13 555	7 320
Kerja dalam proses	7 205	5 654
Barang siap	10 157	8 362
Alat kecil kilang	108	125
		<b>RM</b>
Belian bahan langsung		58 685
Pulangan bahan langsung		3 543
Duti import bahan langsung		1 510
Gaji		54 300
Sewa bangunan		6 600
Insurans		3 600
Belian alat kecil kilang		350
Jualan barang siap		186 500
Loji dan mesin		35 000
Susut nilai terkumpul loji dan mesin		3 500
Lengkapan		9 900
Susut nilai terkumpul lengkapan		990
Kenderaan		100 000
Susut nilai terkumpul kenderaan		20 000
Utiliti		3 400
Belanja am		2 800

**Maklumat tambahan:**

- (i) Bil telefon belum bayar RM600. Penggunaan utiliti untuk kilang adalah sebanyak 70%.
- (ii) Loji dan mesin disusutnilaikan 10% setahun atas baki berkurangan
- (iii) Kilang mempunyai dua buah kenderaan. Kenderaan untuk kegunaan kilang adalah berharga RM60 000 dan sebuah lagi digunakan untuk pengurusan pejabat. Susut nilai kenderaan adalah 20% setahun atas nilai buku
- (iv) Lengkapan disusutnilaikan 20% mengikut kaedah garis lurus. 2:3 daripadanya adalah untuk pejabat
- (v) Belanja am dibahagikan kepada pejabat dan kilang dengan nisbah 3:2
- (vi) Bayaran premium insurans berjumlah RM3 600 adalah untuk setahun berakhir pada 30 September 2019. 4/5 daripada insurans adalah untuk kilang
- (vii) Gaji yang dibayar terdiri daripada:
  - a) Gaji penyelia kilang berjumlah RM13 200.
  - b) Gaji operator kilang termasuk gaji prabayar sebanyak RM1 500
- (viii) Sewa bangunan untuk kilang 70% dan pejabat 30%
- (ix) Royalti tahunan belum dijelaskan RM2 300

**Sediakan**

- (a) Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Julai 2019 [13 markah]
- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Julai 2019 [7 markah]

6 (a) Cik Daria Farhana adalah pemilik sebuah salon kecantikan iaitu Rias Beuty yang telah beroperasi semenjak dua tahun yang lalu di Bandar Laguna Merbok. Berikut adalah baki-baki perniagaan beliau:

	<b>RM</b>
Tunai di bank	9 000
Alatan kedai	28 000
Perabot	5 500
Inventori	7 400

Cik Daria bercadang membuat pinjaman bank untuk membuka sebuah lagi cawangan di Taman Ria Jaya. Pihak bank telah meminta beliau untuk menyediakan belanjawan tunai bagi menyokong permohonan tersebut.

Berikut adalah anggaran penerimaan dan pembayaran tunai perniagaannya bagi tempoh tiga bulan berakhir 31 Mac 2019 :

- (i) Perniagaannya dijangka memperoleh pinjaman bank RM80 000 pada bulan Januari dengan kadar faedah 4% setahun. Tempoh bayaran balik pinjaman adalah selama lima tahun dan bayaran pertama dijangka bermula pada bulan Februari 2019.
- (ii) Anggaran hasil perkhidmatan adalah RM10 000 pada bukan Januari dan dijangka meningkat 10% setiap bulan. Manakala jualan produk kecantikan adalah sebanyak RM6 000 pada bulan Januari dan dijangka meningkat 15% setiap bulan.
- (iii) Belian produk kecantikan hanya dibeli pada bulan Januari sebanyak RM13 000 dengan tempoh dua bulan kredit daripada pembekal.
- (iv) Beliau dibantu oleh dua orang pekerja dengan gaji bulanan RM1 500 seorang. Pada bulan Mac, Cik Daria mengambil seorang lagi pekerja dengan gaji bulanan RM1 000.
- (v) Berikut adalah anggaran perbelanjaan bulanan:

	<b>RM</b>
Sewa kedai	2 000
Kadar bayaran	600
Susut nilai alatan	1 750
Promosi	200

- (vii) Pada bulan Februari, perniagaan bercadang untuk membeli alatan kedai bernilai RM16 000 dengan pembayaran deposit RM4 000. Bayaran ansuran akan dibuat bermula Mac 2019 dan berakhir pada Disember 2019.

**Anda dikehendaki menyediakan** Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2019

[12 markah]

6 (b) Berikut ialah maklumat yang diperoleh daripada buku Perniagaan Ariwana.

<b>2018</b>	<b>2017</b>	<b>RM</b>
Inventori awal	6 000	Pulangan atas modal
Inventori akhir	5 400	Kadar pusing ganti inventori
Modal awal	145 000	Nisbah semasa
Jualan	190 000	
Belian	130 000	
Perabot	9 500	
Akaun Belum Terima	65 000	
Akaun Belum Bayar	54 000	
Bank	220 000	
Sewa belum bayar	2 500	
Untung bersih	78 000	

a) **Anda dikehendaki menghitung bagi tahun 2018:**

- (i) Kos jualan [2 markah]
- (ii) Pulangan atas modal [2 markah]
- (iii) Kadar pusing ganti inventori [2 markah]

b) Pada tahun kewangan manakah perniagaan menunjukkan prestasi yang lebih baik?

Berikan alasan anda? [2 markah]

### **KERTAS SOALAN TAMAT**

LAMPIRAN

3(b)

Urus niaga	ASET					EKUITI PEMILIK + LIABILITI		
	Alatan pejabat	Inventori	Akaun Belum Terima	Tunai	Bank	Modal	Untung bersih	Akaun Belum Bayar
Baki								
(i)								
(ii)								
(iii)								
(iv)								
Mei 31								